

21 MAY 2003

PAKEJ-PELANCONGAN

LANGKAH PENGURANGAN KOS PERNIAGAAN BANTU INDUSTRI PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pelbagai langkah pengurangan kos perniagaan termasuk diskaun sebanyak lima peratus daripada jumlah bil elektrik bulanan adalah antara langkah kerajaan untuk membantu industri pelancongan terutamanya pengusaha hotel yang terjejas akibat tercetusnya wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, pengurangan ke atas bil elektrik akan berkuatkuasa selama tempoh 1 Jun sehingga 31 Dis tahun ini.

Langkah-langkah kerajaan seperti yang diumumkan melalui pakej ekonomi untuk membantu pengusaha hotel dan pelancongan akan meningkatkan penggunaan swasta yang akan memberi kesan berganda kepada ekonomi, katanya ketika mengumumkan pakej strategi baru di sini.

Antara langkah lain katanya, adalah pengurangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada sembilan peratus daripada 11 peratus dan 50 peratus daripada cukai jalan teksi bagi enam bulan (pengurangan hanya sekali).

Untuk memudahkan komunikasi, terutamanya di antara negara-negara yang terlibat dengan wabak SARS, beliau berkata, duti import dan cukai jualan ke atas alat sidang tele-video dikecualikan dengan syarat barangan tidak dikeluarkan di dalam negara.

Sebagai bantuan kepada pengusaha kedai bebas cukai dan kedai-kedai lain di semua lapangan terbang, katanya, kadar sewa premis yang dikenakan oleh Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) akan dikurangkan sebanyak 50 peratus.

Menurutnya, kadar satu peratus daripada jumlah jualan yang dikenakan bagi promosi dan pengiklanan juga dikurangkan sebanyak 50 peratus dan tempoh kontrak konsesi bagi penyewaan premis perniagaan dipanjangkan selama dua tahun lagi.

Katanya, pengurangan kadar sewa premis di lapangan terbang dan kadar daripada jumlah jualan akan berkuatkuasa bagi tempoh 1 Jun sehingga 31 Dis tahun ini.

Bagi mengurangkan beban kewangan peminjam di sektor pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel, restoran dan pusat membeli-belah, beliau berkata, Bank Negara Malaysia menyediakan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas (SRGF) berjumlah RM1 bilion, terutama untuk modal kerja.

Perdana Menteri berkata, institusi perbankan akan menyediakan kemudahan melalui Skim Penyusunan dan Penjadualan Semula Pinjaman (SPPSP) bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit dan pinjaman bercagar bagi pekerja yang dipotong gaji.

Katanya, pengecualian duti setem diberi ke atas surat cara pinjaman di bawah SRGF dan SPPSP.

Pada masa ini, Dr Mahathir berkata, pekerja yang menerima kemudahan tambang percuma daripada majikan bagi perjalanan domestik tidak dikenakan cukai pendapatan.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, perbelanjaan oleh majikan tidak diberi potongan cukai.

Untuk menggalakkan lagi pelancongan domestik, katanya, perbelanjaan majikan ke atas kemudahan tambang percuma kepada pekerja diberi potongan dua kali untuk tempoh setahun, mulai 1 Jun.

Menurutnya, pegawai dan kakitangan kesihatan di hospital kerajaan yang terlibat langsung memberi rawatan kepada pesakit SARS diberi elaun kritikal khusus sebanyak RM400 sebulan bagi doktor dan RM200 bagi kakitangan yang lain mulai 1 April lepas sehingga berakhirnya wabak SARS.

Katanya, Pusat Kawalan Penyakit (CDC) akan ditubuhkan di bawah Institut

Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk menjalankan penyelidikan bagi mengawal penyakit berjangkit seperti SARS, denggi dan JE.

Bagi program melaksanakan kebersihan sejumlah RM200 juta disediakan kepada pihak berkuasa tempatan dalam usaha membendung, mengawal dan menghindari merebaknya penyakit berjangkit, katanya. -- BERNAMA

PK AHM